



## JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

### **KENYATAAN MEDIA (24 JULAI 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **sembilan (9)** kes positif COVID-19 dilaporkan. Kes tersebut adalah di Daerah Kuching enam (6) dan Daerah Samarahan tiga (3). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak setakat hari ini sebanyak **641** kes.

#### **A. Kes Saringan Pelawat Yang Balik Dari Luar Negara (1 kes)**

Pada hari ini terdapat **satu (1)** kes melibatkan seorang pelajar perempuan yang baru balik dari Perth, Australia pada 20 Julai 2020 melalui Kuala Lumpur ke Kuching, Sarawak. Kes telah berada di Australia sejak bulan Februari, 2020. Semasa tiba di Kuala Lumpur, saringan ujian RTK Antigen tidak dijalankan kerana beliau telah menjalani saringan COVID-19 di Perth, Australia pada 17 Julai 2020 dan keputusan ujian beliau adalah negatif ujian rT-PCR COVID-19. Kes telah dibawa terus ke pusat kuarantin hotel setelah tiba di Kuching dan telah menjalani saringan COVID-19 pada 21 Julai 2020 dan ujian rT\_PCR beliau didapati positif pada 23 Julai 2020. Kes tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala.

## **B. Kes Pengesahan Kontak dari Kluster Yang Masih Aktif (8 kes)**

Pada hari ini terdapat **Iapan (8)** kes baru yang dilaporkan melibatkan pengesahan kontak dari kluster yang masih aktif. Kesemua kes tersebut telah dikesan melalui saringan aktif ke atas semua kontak di dalam Kluster Sentosa. Semua mereka adalah petugas kesihatan di fasiliti tersebut yang telah disaring pada 22 Julai 2020. Mereka terdiri daripada lima (5) orang lelaki dan tiga (3) orang perempuan dalam lingkungan umur di antara 30 hingga 48 tahun. Kesemua kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala.

Setakat hari ini, seramai 643 orang telah disaring dan diambil swab untuk ujian rT-PCR yang melibatkan Kluster Sentosa. Daripada jumlah yang telah disaring tersebut, seramai 16 orang atau sebanyak 2.49% telah didapati positif dengan jangkitan COVID-19. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan sementara semua kontak telah diberi arahan kuarantin selama 14 hari. Bagi kontak yang melibatkan petugas kesihatan, mereka akan diulang saringan pada hari Ke-3 dan hari Ke-13 sebelum diberi Perintah Pelepasan (*Release order*) dan kembali bertugas. Untuk kontak bukan Petugas Kesihatan, mereka akan diulang saringan pada hari Ke-13 sebelum diberi Perintah Pelepasan (*Release order*) jika keputusan adalah negatif.

### **C. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.**

Hari ini terdapat penambahan **lapan (8)** kes baharu kepada Kluster Sentosa menjadikan jumlah di dalam kluster ini adalah seramai 16 orang. Lain-lain kluster tiada penambahan kes dikesan atau dilaporkan.

Setakat hari ini, terdapat **lapan (8)** kluster yang masih aktif iaitu

- a) Kluster Syarikat Kejuruteraaan: kekal tiga (3) kes
- b) Kluster Mambong: kekal lima (5) kes
- c) Kluster Pusat Perubatan: kekal tiga (3) kes
- d) Kluster Jupiter: kekal tiga (3) kes
- e) Kluster Pasar Stutong: kekal tujuh (7) kes
- f) Kluster Jeti Kuching: kekal dua (2) kes
- g) Kluster Sentosa: **penambahan lapan (8) kes menjadikan jumlah 16 kes**
- h) Kluster PUI Melbourne: kekal dua (2) kes

Dimaklumkan juga **tiada** kes baru yang telah sembah dan discaj dari Hospital hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah sembah dan discaj kekal sebanyak **556** orang atau **86.74%**.

Seramai **67 orang** masih menerima rawatan dalam wad isolasi hospital dan jumlah kematian kekal **18 orang atau 2.81%**.

Hari ini sebanyak **18 PUI** baru dilaporkan dan **5 kes** masih menunggu ujian makmal.

## **2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak hari ini telah bermesyuarat dan memutuskan beberapa perkara berikut:

### **A. KEMASUKAN DARI LUAR NEGARA KE SARAWAK**

Semua warga Sarawak yang balik dari Luar Negara, yang menggunakan pesawat dan transit di Semenanjung Malaysia, Labuan, Sabah, Brunei atau Singapura diwajibkan menjalani kuarantin di destinasi terakhir selama 14 hari.

### **B. PELUASAN PENANGGUHAN PEMBUKAAN SEMULA SESI PERSEKOLAHAN DI DAERAH PADAWAN**

Untuk makluman, peluasan penangguhan pembukaan semula sesi persekolahan bagi Daerah Padawan adalah **SJK Chung Hua, Siburan** melibatkan Tahun 1,2,3,4,5 dan 6. Bagi kelas Prasekolah, sesi persekolahan diteruskan seperti biasa. Penangguhan tersebut adalah sehingga 03 Ogos 2020.

### **C. PERGERAKAN ANTARA BAHAGIAN**

Memandangkan kes positif di Bahagian Kuching dan Samarahan semakin meningkat, pergerakan antara Bahagian **tidak digalakkan** kecuali bagi Pergerakan orang awam di antara Bahagian hanya digalakkan bagi kes-kes seperti berikut:

- a) Menjalankan Tugas Rasmi
- b) Pekerja Perkhidmatan Penting (*Essential Services*)
- c) Kematian Ahli Keluarga Terdekat

- d) Ahli Keluarga Sakit Tenat
- e) Keperluan Pemeriksaan kesihatan

#### **D. PEMAKAIAN TOPENG PENUTUP MUKA (FACEMASK)**

Berkuatkuasa 1 Ogos 2020, penggunaan topeng penutup muka **diwajibkan** di tempat awam, dalam pengangkutan awam, pusat beli belah, market, kedai makan dan kedai runcit.

#### **E. PENANGGUHAN PENDAFTARAN PELAJAR UNIMAS**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah berbincang dengan pihak UNIMAS dan memutuskan bahawa kemasukkan pelajar Program Pra Universiti akan **ditangguhkan** sehingga satu tarikh yang akan diberitahu kemudian.

### **3. MEMPERTINGKATKAN UJIAN SECARA RAWAK BAGI KLUSTER SENTOSA**

Memandangkan kes positif bagi kluster Sentosa telah meningkat, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak akan memperluaskan ujian secara rawak di kawasan sekitar Kota Sentosa.

#### **4. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (10 JUN HINGGA 31 OGOS 2020)**

Hari ini sebanyak **1,989 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (432), Restoran (376), Kilang (21), Bank (155), Pejabat Kerajaan (71), Penjaja (53), Pasar Tani/Awam (83), Tempat Ibadah (78), Tempat Riadah (62), Tapak Pembinaan (36) dan lain-lain (622).

Seramai **749 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (388), ATM (47), RELA (156), APM (102), PBT (39), KKM (5), KPDNHEP (3) dan Lain-lain agensi (9).

#### **5. LAPORAN NOTIS KOMPAUN**

Pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **33 notis** kompaun kerana tidak mematuhi Garis Panduan (SOP) iaitu di Miri (17), Kuching (6), Lawas (6), Sarikei (2), Samarahan (1) dan Padawan (1).

#### **6. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **752** jumlah kenderaan telah diperiksa.

## **7. NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI**

Orang ramai adalah dinasihatkan agar tidak leka dan terus kekal waspada. Pastikan saranan dan nasihat-nasihat kesihatan diamalkan pada setiap masa. Antara nasihat yang sewajarnya dijadikan satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian dengan mengamalkan **SOP**:

**S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);

**O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;

**P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**

**Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**24 JULAI 2020**

**5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	632	Kes sedang dirawat di hospital	67	10.45%
Kes Baharu	9	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	62,638	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>intubated</i> )	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	641	Jumlah kes kematian	18	2.81%
IR per 100,000 penduduk	20.78	Kes telah sembah dan discaj	556	86.74%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	Baru	Kumulatif
Negatif	7		18	8,871
Menunggu keputusan	5			

Status Semasa		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital		62	0	4	0	1	67
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>		0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>Intubated</i> )		0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian		16	0	0	2	0	18
Kes telah sembah dan discaj	Baru	0	0	0	0	0	0
	Kumulatif	469	33	23	31	0	556
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital ( <i>Re-tested Positive</i> )		9	8	2	0	0	19

DAERAH KUNING (3)											
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Kuching	7	5,764	6	393	0	329	0	11	53	52
2	Bau	0	160	0	6	0	5	0	0	1	1
3	Samarahan	3	534	3	106	0	94	0	4	8	8
Jumlah		10	6458	9	505	0	428	0	15	62	61

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (37)											
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Bintulu	0	270	0	27	0	23	0	0	4	4
2	Sibu	0	104	0	9	0	9	0	0	0	0
3	Simunjan	0	58	0	8	0	8	0	0	0	0
4	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0
5	Serian	0	297	0	21	0	21	0	0	0	0
6	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0
7	Lundu	0	240	0	2	0	1	0	0	1	1
8	Limbang	0	29	0	9	0	8	0	1	0	0
9	Miri	2	797	0	23	0	22	0	1	0	0
10	Asajaya	0	40	0	5	0	5	0	0	0	0
11	Sri Aman	0	46	0	3	0	2	0	1	0	0
12	Betong	5	184	0	16	0	16	0	0	0	0
13	Lawas	0	13	0	1	0	1	0	0	0	0
14	Mukah	1	39	0	1	0	1	0	0	0	0
15	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0
16	Sarikei	0	91	0	6	0	6	0	0	0	0
17	Saratok	0	23	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Lubok Antu	0	20	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Kapit	0	29	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Marudi	0	12	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>8</b>	<b>2,413</b>	<b>0</b>	<b>136</b>	<b>0</b>	<b>128</b>	<b>0</b>	<b>3</b>	<b>5</b>	<b>5</b>
<b>Jumlah Besar</b>		<b>18</b>	<b>8,871</b>	<b>9</b>	<b>641</b>	<b>0</b>	<b>556</b>	<b>0</b>	<b>18</b>	<b>67</b>	<b>66</b>

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Bil.	Kluster		Kes Baru	Kumulatif Kes	Tarikh Tamat		
1	<b>Kluster Kuching Conference</b>		0	191	22 June, 2020		
2	<b>Kluster Seri Petaling</b>		0	115	10 June, 2020		
2a	Sub-Kluster Kuching dan Samarahan (BDC dan Desa Ilmu)	41	Sub-kluster dan kes kes sporadik dari Kluster Besar Seri Petaling	Sub-kluster dan kes kes sporadik dari Kluster Besar Seri Petaling	3 June, 2020		
2b	Sub-Kluster Debak, Betong	10			15 May, 2020		
2c	Sub-Kluster Sibu	4			10 June, 2020		
2d	Sub-Kluster Bintulu	2			12 May, 2020		
2e	Sub-Kluster Limbang	7			26 May, 2020		
2f	Sub-Kluster Kecil Kuching	7			12 May, 2020		
2g	Sub-Kluster Kecil Samarahan	10			3 June, 2020		
2h	Sub-Kluster Kecil Serian	3			3 June, 2020		
<b>Sporadik</b>							
2i	i) Betong	6			15 May, 2020		
	ii) Samarahan	1			2 May, 2020		
	iii) Serian	1			6 June, 2020		
	iv) Kuching	9			12 May, 2020		
	v) Bintulu	2			18 April, 2020		
	vi) Miri	8			24 May, 2020		
	vii) Mukah	2			13 April, 2020		
	viii) Limbang	2			26 May, 2020		
3	<b>Kluster PUI Itali</b>		0	65	30 May, 2020		
4	<b>Kluster Petugas Kesihatan Kuching</b>		0	68	6 June, 2020		
5	<b>Kluster Kidurong</b>		0	8	19 July, 2020		
6	<b>Kluster Tapak Pembinaan Kuching</b>		0	3	22 July, 2020		
7	<b>Kluster Syarikat Kejuruteraan Kuching</b>		0	3	Active		
8	<b>Kluster Mambong</b>		0	5	Active		
9	<b>Kluster Jupiter</b>		0	3	Active		
10	<b>Kluster Pusat Perubatan Kuching</b>		0	3	Active		
11	<b>Kluster Pasar Stutong</b>		0	7	Active		
12	<b>Kluster Jeti</b>		0	2	Active		
13	<b>Kluster Sentosa</b>		8	16	Active		
14	<b>Kluster PUI Melbourne</b>		0	2	Active		
15	<b>Kluster-kluster kecil</b>		0	63	-		
15	<b>Sporadik kes</b>		0	53	-		
16	<b>Kes import dari luar negara</b>		1	33	-		
17	<b>Masih dalam siasatan dan kes baru</b>		0	1	-		
<b>Jumlah</b>			9	641			

Bil.	Kluster	Kes Baru	Kumulatif Kes	Tarikh Diisytiharkan	Tarikh Kes Terakhir Dilaporkan	Status	Tarikh Dijangka Tamat
1	Kluster Syarikat Kejuruteraan Kuching	0	3	18 July, 2020	23 July, 2020	Active	19 August, 2020
2	Kluster Mambong	0	5	15 July, 2020	17 July, 2020	Active	14 August, 2020
3	Kluster Jupiter	0	3	17 July, 2020	16 July, 2020	Active	13 August, 2020
4	Kluster Pusat Perubatan Kuching	0	3	17 July, 2020	16 July, 2020	Active	18 August, 2020
5	Kluster Pasar Stutong	0	7	18 July, 2020	23 July, 2020	Active	20 August, 2020
6	Kluster Jeti	0	2	19 July, 2020	18 July, 2020	Active	15 August, 2020
7	Kluster Sentosa	8	16	21 July, 2020	24 July, 2020	Active	20 August, 2020
8	Kluster PUI Melbourne	0	2	22 July, 2020	22 July, 2020	Active	19 August, 2020

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **42 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **10 buah hotel** adalah seramai **541 orang**.

Manakala seramai **19,071 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 24.07.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (327)	Harbour View	143
2		Riverside (Astana Wing)	179
3		Hock Lee	5
4	Miri (85)	Eastwood Valley	48
5		Meritz	37
6	Bintulu (41)	Wasan Inn	23
7		Motel Kapok	18
8	Limbang (19)	Purnama	16
9		Mandarin (Lawas)	3
10	Sibu (62)	Premier	69
<b>Jumlah PUS</b>			<b>541</b>

### **3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Pada hari ini, sebanyak **3 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,401 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 24.07.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	Kuching	442
2	Miri	246
3	Bintulu	110
4	Samarahan	106
5	Sarikei	99
6	Sibu	98
7	Limbang	75
8	Betong	48
9	Serian	47
10	Mukah	45
11	Sri Aman	44
12	Kapit	41
<b>Jumlah</b>		<b>1,401</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Pada hari ini, sebanyak **46 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 24.07.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	2
2	MD Lundu	3
3	MD Serian	3
4	MD Bau	1
5	MD Sri Aman	4
6	MP Sibu	10
7	MD Dalat & Mukah	5
8	MB Miri	5
9	MD Marudi	7
10	MD Subis	4
11	MD Limbang	2
<b>Jumlah</b>		<b>46</b>